



POLISI ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI

Arus Sawit Sdn Bhd mengiktiraf nilai dan kepentingan terhadap penjagaan alam sekitar dan berkomited untuk memastikan semua operasi ladang yang dijalankan akan diurus dengan bertanggungjawab bagi melindungi alam sekitar, memelihara biodiversiti dan memperkuuh daya tahan organisasi terhadap perubahan iklim. ASSB percaya bahawa tindakan bersepadu dan lestari dalam pemuliharaan alam sekitar dengan pengurusan perladangan kelapa sawit perlu dikekalkan bagi memastikan kesinambungan sumber dan keperluan daripada alam sekitar dan biodiversiti dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat serta dapat menghadapi cabaran persekitaran masa kini dan masa depan.

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Arus Sawit akan memastikan alam sekitar dan kepelbagaiannya biodiversiti terpelihara dengan:

1. Mematuhi semua kehendak perundangan alam sekitar, piawaian MSPO, ISO 14001 dan mana-mana keperluan serta syarat lain yang relevan dan dipersetujui oleh syarikat;
2. Melaksanakan dan mengekalkan sistem pengurusan alam sekitar berteraskan ISO 14001, Prinsip & Kriteria MSPO, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Amalan Pertanian Terbaik (GAP) yang merangkumi elemen mitigasi dan adaptasi perubahan iklim;
3. Mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar dan perubahan iklim melalui pelaksanaan Penilaian Kawasan Bernilai Tinggi (HCV), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), serta perancangan dan pengurusan bersepadu yang menyokong daya tahan ekosistem;
4. Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) melalui kecekapan penggunaan sumber seperti bahan api dan tenaga, menggalakkan tenaga boleh diperbaharui dan amalan kitar semula serta pelupusan sisa yang bertanggungjawab;
5. Menguatkuasakan amalan pembakaran sifar dalam semua aktiviti pembangunan dan pengurusan ladang, selaras dengan komitmen terhadap kesihatan awam dan perubahan iklim;
6. Mengamalkan pertanian mampan yang berkesan dan praktikal di setiap peringkat operasi untuk memelihara tanah, air, biodiversiti dan keseimbangan ekosistem;
7. Meningkatkan kesedaran dan kapasiti sumber manusia melalui latihan, maklumat dan bimbingan yang berterusan tentang perubahan iklim, pemeliharaan biodiversiti dan amalan terbaik alam sekitar;
8. Mempromosikan budaya prihatin terhadap alam sekitar di kalangan semua pekerja, pihak berkepentingan dan kontraktor melalui program komunikasi, latihan, kempen dan pendidikan yang berfokus kepada pemuliharaan biodiversiti dan adaptasi terhadap kesan perubahan iklim;
9. Melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan berterusan terhadap prestasi alam sekitar dan tindakan iklim melalui audit dalaman, laporan berkala serta kajian semula sistem pengurusan alam sekitar.



DR. LAWRENCE CHU

Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.

Dikemaskini Pada: 19.06.2025